

Calon pengganti tak berubah: PM

Dr Mahathir tak mahu ulangi kesilapan 2003, 2009

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tidak mahu mengulangi kesilapan lalu berhubung pemilihan penggantinya bagi jawatan Perdana Menteri.

“Saya sudah buat banyak kesilapan dalam menentukan siapa pengganti bagi menyandang jawatan Perdana Menteri. Jadi saya tidak mahu buat kesilapan itu lagi kali ini,” katanya dalam temubual dengan dengan akhbar *Financial Times* di Bangkok, baru-baru ini.

Perdana Menteri merujuk kepada kekecewaannya memilih pengganti pada 2003 dan 2009, masing-masing membabitkan Tun Abdullah Ahmad Badawi serta Datuk Seri Najib Razak.

Dr Mahathir bagaimanapun mengulangi jaminan tiada perubahan mengenai calon penyandang jawatan Perdana Menteri se-

terusnya apabila semua isu berkaitan ekonomi, termasuk beban hutang daripada Malaysia Development Berhad (MADB) diselesaikan.

“Saya ada pengalaman menyelesaikan kemelut kewangan, jadi mereka mahu saya (terus pikul tugas sebagai Perdana Menteri) bagi merungkai isu terbabit sebelum meletak jawatan,” katanya lagi.

Isu peralihan kuasa sering menimbulkan ketegangan dalam ka-

langan parti komponen Pakatan Harapan (PH) dengan segelintir pemimpin utamanya mengusulkan Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri selama satu penggal penuh, iaitu hingga 2023.

Pemimpin pembangkang juga membuat gesaan sama apabila enam Ahli Parlimen UMNO pada 24 Oktober lalu, tampil memberi sokongan supaya Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH mene-

ruskan mandat sebagai Perdana Menteri sehingga pilihan raya umum (PRU) seterusnya.

Enam individu berkenaan ialah Mohd Shahar Abdullah (Paya Besar), Datuk Dr Adham Baba (Tenggara), Datin Mastura Mohd Yazid (Kuala Kangsar), Datuk Abdul Rahman Mohamad (Lipis), Datuk Seri Ismail Abdul Muttalib (Maran) dan Datuk Ahmad Nazlan Idris (Jerantut).

“Sebenarnya tiada tarikh atau

tempoh tertentu dinyatakan (peralihan kuasa), sebaliknya keputusan mengundur diri bergantung kepada beberapa masalah yang Malaysia hadapi ketika ini.

“Apa yang saya sebutkan ketika mereka melantik saya (sebagai Perdana Menteri) adalah saya tidak akan kekal di situ, bermakna saya tidak akan mengahiskan penggal penuh,” katanya

Pada PRU tahun lalu, Dr Mahathir mengetuai PH bersama pemimpin pembangkang lain, termasuk Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menubuhkan Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak yang terpalit dalam skandal 1MDB.

“Sesiapa pun akan rasa berdebar apabila hendak menyerahkan kuasa pentadbiran negara kepada penggantinya. Anwar juga menolak andaian ada perebutan kuasa, jadi saya tidak fikir ini adalah satu isu,” katanya lagi.

Dalam temu bual berkenaan, Perdana Menteri juga antara lain mengulas mengenai projek infrastruktur mega dimeterai kerajaan terdahulu dengan China serta isu etnik Uighur dan Rohingya.

Sebenarnya tiada tarikh atau tempoh tertentu dinyatakan (peralihan kuasa), sebaliknya keputusan mengundur diri bergantung kepada beberapa masalah yang Malaysia hadapi ketika ini.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

Terima kasih rakyat, PH dan Tun: Anwar

Kuala Lumpur: “Terima kasih rakyat, Pakatan Harapan (PH) dan kepada Tun.”

Itu reaksi Ketua Umum PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditanya mengenai kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengakui akan menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepadanya dalam temu bual eksklusif dengan akhbar Australia, *Sydney Morning Herald* di Bangkok, baru-baru ini.

Mengenai dakwaan ada komplot cuba menghalangnya menjadi Perdana Menteri, Anwar yang juga Presiden PKR, memaklumkan tiada mana-mana pemimpin PH mengusulkan nama lain setakat ini.

“Namun, dalam politik memang berlaku apa yang dipanggil *court intrigue* (fantasi politik), kita tak boleh halang, tetapi saya tiada masalah, kita tumpu perhatian dalam urusan kerja,” katanya.

PH-7/11/2019 m/s: 2